

*Kajian Malaysia, Jld. XXV, No. 1, Jun 2007*

**BOGOO: WARISAN PERAHU KOMUNITI BAJAU LAUT DI SABAH, MALAYSIA**

**(BOGOO: THE BOAT HERITAGE OF THE BAJAU LAUT IN SABAH, MALAYSIA)**

Ismail Ali  
Centre for Co-curriculum and Student Development  
Universiti Malaysia Sabah  
Sabah  
ismailrc@ums.edu.my

*The Bajau Laut (Samal) people, also known as pala'u, is among the Bajau ethnic tribes in the east coast of Sabah who are still practicing the sea nomads lifestyle. They are synonym with the lepa-lepa, a boat in which they live on the sea. In the effort to preserve this heritage and culture, the Ministry of Culture, Arts and Tourism of Sabah has gazette the "Lepa-Lepa Regatta" in the Sabah tourism calendar. Other than Lepa-Lepa, the Bajau Laut community actually treasures another sampan design that is unique only to the tribe. It is the winged sampan called bogoo that is used for fishing. Nevertheless, this unique heritage and culture has never been exposed to the public by any scholar studying this subject. This article is written for the purpose of documenting the sampan as one of the heritage and culture of the Bajau Laut community in order to avoid the disappearance of this culture to the development. This writing is based on the field work done by the author regarding the tradition of Bajau Laut community in the east coast of Sabah in Mac 2007.*

Keywords: bogoo, Bajau Laut, boat, heritage

*Bajau Laut (Samal) yang juga dikenali sebagai pala'u merupakan antara kumpulan etnik Bajau di pantai timur Sabah yang masih lagi mengamalkan kehidupan bercorak nomad dan cukup sinonim dengan senibina lepa-lepa iaitu sejenis perahu yang menjadi tempat kediaman mereka. Untuk mengekalkan warisan dan budaya ini, Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan Sabah telahewartakan "Pesta Lepa-Lepa" di dalam kalendar pelancongan Sabah. Selain lepa-lepa, komuniti Bajau Laut ini juga sebenarnya mempunyai satu lagi seni*

*Ismail Ali*

*bina perahu yang unik yang tidak terdapat pada lain-lain komuniti maritim di Sabah iaitu perahu bogoo, sejenis perahu bersayap yang digunakan untuk menangkap ikan. Walau bagaimanapun, sehingga kini warisan dan budaya perahu ini nampaknya tidak pernah diketengahkan oleh mana-mana sarjana yang mengkaji komuniti ini. Atas kesedaran tersebut, makalah ini ditulis dengan tujuan untuk mendokumentasikan semula perahu ini sebagai salah satu warisan dan kebudayaan komuniti Bajau Laut agar tidak hilang mengikut peredaran zaman. Penulisan mengenai perahu ini adalah berasaskan kerja lapangan yang dijalankan oleh penulis sewaktu membuat kajian berhubung warisan komuniti Bajau Laut di pantai timur Sabah pada bulan Mac 2007.*

Kata kunci: bogoo, Bajau Laut, perahu, warisan

## **PENDAHULUAN**

Dari segi sejarahnya, komuniti Bajau Laut yang terdapat di Sabah pada hari ini adalah berasal dari keluarga besar Bajau di selatan kepulauan Filipina dan mula bermigrasi dan menetap di kawasan perairan pantai timur Sabah semasa era pemerintahan Kesultanan Sulu lagi, iaitu sekitar abad ke-18. Setakat ini, kajian dan penulisan berhubung sosial, ekonomi, sosiobudaya, seni bina dan warisan komuniti Bajau Laut ini masih lagi terbatas dan hanya dilakukan oleh beberapa orang sarjana seperti James Francis Warren (1981, 2000, 2002), Yap Beng Liang (1993), Clifford Sather (1997), David E. Sopher (1965), Halina Sendera (2007) dan lain-lain lagi.

Memandangkan belum ada lagi kajian dan penulisan mengenai *bogoo* pernah dilakukan oleh mana-mana sarjana telah menyebabkan berlakunya kekaburan mengenai sejarah asal usul kewujudannya di perairan Sabah dan kurang diketahui oleh masyarakat umum. Oleh yang demikian, timbul beberapa persoalan seperti: Bila ia mula berada di perairan Sabah, bagaimana ia dibina dan berevolusi mengikut peredaran masa, dan sebagainya. Memang diperakui bahawa bukan mudah untuk menjawab persoalan-persoalan di atas secara tepat. Walau bagaimanapun, ini tidak bermakna bahawa kewujudannya dalam lipatan sejarah maritim di Sabah tidak dapat dijejaki langsung. Berdasarkan kepada rekod-rekod sejarah yang tersimpan di Arkib Negeri Sabah dan tulisan-tulisan oleh para pelayar dan sarjana Barat, ada digambarkan

kewujudan perahu bersayap ini seawal era pemerintahan Kesultanan Sulu, walaupun tidak dibicarakan secara langsung.

## **SEJARAH DAN EVOLUSI PERAHU *BOGOO***

Abad ke-18 telah menyaksikan kemunculan Kesultanan Sulu, yang terletak di Pulau Maimbung, sebagai sebuah kuasa politik dan ekonomi di bahagian selatan Kepulauan Filipina. Kedudukan Pulau Maimbung yang strategik iaitu terletak antara Basilan dan Tawi-Tawi telah membolehkan Jolo yang menjadi pusat pentadbiran Kesultanan Sulu mendominasi kuasa politik, ekonomi dan sosialnya ke Sabah (Borneo Utara). Di bawah pemerintahan Kesultanan Sulu telah memperlihatkan kepentingan beberapa komoditi laut seperti *tripang*, mutiara, ikan masin, kulit penyu dan lain-lain lagi untuk diperdagangkan di Jolo bagi memenuhi permintaan para pedagang China dan Eropah. Dalam hal ini, datu-datu Sulu yang memiliki perahu bersayap yang dikenali sebagai *Barangayan* (Warren, 1981: 197) dan *Kora-kora* (Nicholl, 1966: 49) nampaknya telah menggunakan khidmat dan kepakaran komuniti Bajau Laut sebagai sumber tenaga kerja dalam pengeluaran dan penghasilan sumber maritim di perairan Sabah untuk memenuhi pasaran antarabangsa.

Berdasarkan kepada fakta sejarah tersebut, maka dapatlah dikatakan di sini bahawa penciptaan perahu ini oleh komuniti Bajau Laut di Sabah pada hari ini adalah berasaskan seni bina dan reka bentuk *Barangayan* dan *Kora-kora* yang berasal dari selatan Kepulauan Sulu. Apabila Sabah ditadbir oleh British North Borneo Chartered Company (BNBCC) pada tahun 1881, budaya dan tradisi perahu *bogoo* terus dipraktikkan oleh komuniti Bajau Laut tetapi dalam bentuk yang berbeza daripada *Barangayan* dan *Kora-kora* yang telah dijelaskan sebelum ini. Ini kerana pembuatan perahu bersayap yang suatu masa dahulu ditaja pembinaannya oleh pemerintah (datu-datu Taosug) Sulu tidak lagi dilakukan oleh kolonial. Komuniti Bajau Laut yang telah serasi dengan perahu jenis bersayap ini untuk kegiatan ekonomi perikanan nampaknya telah melakukan pelbagai pengubahsuaian atau modifikasi perahu biasa (sampan) milik mereka untuk dijadikan perahu bersayap yang lebih kecil yang dikenali sebagai *dapang*.

*Ismail Ali*


Kewujudan *dapang* ini boleh dijejaki berdasarkan kepada laporan yang dibuat oleh Tubb (1952) bertajuk "*Colony of North Borneo, Fishery Department Report for the Years 1947–1950*". Laporan ini mencatatkan kewujudan sejenis perahu bersayap yang dikenali sebagai *dapang*. Untuk tujuan pentadbiran, kerajaan British melalui Jabatan Laut telah menggubal satu ordinan yang dikenali sebagai *The Boats and Fishery Ordinance No. 10 of 1914*. Di bawah peraturan ini, Jabatan Laut bertanggungjawab mendaftar dan mengeluarkan lesen perahu, bot dan perkakas menangkap ikan yang digunakan oleh nelayan. Di bawah Undang-undang Perahu dan Perikanan Penggal 16 (State of North Borneo, 1959) pula telah menggariskan dengan lebih terperinci segala peraturan yang berkaitan dengan soal perlesenan perahu, bot dan perkakas menangkap ikan di Sabah. Apabila Sabah mencapai kemerdekaan pada tahun 1963, budaya dan tradisi pembuatan *dapang* ini terus diamalkan oleh komuniti Bajau Laut. Walau bagaimanapun, peredaran masa dan arus modenisasi dalam teknologi perahu di Sabah selepas tahun 1963 nampaknya telah mengubah konsep asal *dapang* daripada berdayung kepada enjin dalam. Untuk membezakan antara *dapang* tidak berenjin dan *dapang* berenjin dalam, maka lahirlah satu gelaran baru bagi *dapang* yang tidak berenjin, iaitu *bogoo*.

## **REKA BENTUK DAN TEKNIKAL *BOGOO***


Walaupun pada prinsipnya pembuatan perahu *bogoo* agak mudah, namun bukan semua komuniti Bajau Laut mampu membuatnya. Berdasarkan kepada kajian ini mendapati *bogoo* ini hanya dibuat oleh segelintir tukang yang mahir dan telah berusia. Pembinaan *bogoo* ini dimulakan dengan membuat rangka perahu dengan menggunakan kayu keras yang dipanggil *brunti*. Biasanya, panjang sebuah perahu ini ialah di antara 15–20 kaki dan lebarnya di antara 2–3 kaki. Setelah siap, rangka *bogoo* akan dipasang dengan papan lapis (*plywood*) setebal setengah inci sebagai dindingnya. Setelah rangka dan dinding perahu siap dibuat, barulah sayap pada kedua-dua belah bahagian perahu akan dipasang menggunakan kayu keras dan kemudiannya, buluh kering atau batang paip plastik (PVC) akan dipasang di bahagian setiap hujung kayu sebagai pengimbangnya. Untuk mengelakkan pengimbang ini dimasuki air, setiap bahagian hujung batang buluh atau batang paip plastik (PVC) tersebut akan disumbat dengan kayu. Secara keseluruhannya, pemasangan sayap ini bertujuan untuk menjadikan *bogoo* lebih seimbang

*Bogoo: Warisan Perahu Komuniti Bajau Laut*

di atas permukaan air dan tidak karam dipukul ombak sewaktu laut bergelora.




Rajah 1: Illustrasi Sebuah *Bogoo*.



Rajah 2: Pandangan Atas Perahu.

*Ismail Ali*



Rajah 3: Pandangan Hadapan Perahu.



Rajah 4: Pandangan Sisi Perahu.

Setelah bahagian rangka, dinding dan sayap telah siap dibuat, tukang terlebih dahulu menyapukan *roofing compound* pada seluruh bahagian sambungan papan lapis (dinding) yang bertindak sebagai penebat dan mengelakkan kebocoran apabila berada di dalam air. Setelah kering dan melekat sepenuhnya, barulah perahu ini akan disapu dengan cat mengikut warna yang diinginkan dan dikeringkan dengan cara

menjemurnya di bawah sinaran cahaya matahari antara satu hingga dua hari. Ini bertujuan mengelakkan dinding perahu menjadi kembang dan rosak apabila diresapi oleh air laut. Memandangkan perahu ini hampir keseluruhannya diperbuat daripada papan lapis (*plywood*) yang agak nipis, maka ia mudah mengalami pelbagai kerosakan. Biasanya pemilik akan membina tempat khas untuk meletakkan perahu mereka atau menutupnya dengan daun kelapa untuk mengelakkannya daripada terdedah terlalu lama kepada air laut dan cahaya matahari. Untuk memastikan perahu ini tahan lebih lama, biasanya pemilik akan melakukan kerja-kerja baik pulih termasuk mengecatnya semula dalam tempoh tiga hingga lima bulan.

### **KEGUNAAN PERAHU *BOGOO***

Sebagai sebuah komuniti yang diklasifikasikan sebagai *sea nomads* dan bergantung hidup sepenuhnya kepada hasil-hasil laut, maka pemilikan *bogoo* ini begitu bermakna kepada mereka untuk menjalankan aktiviti menangkap ikan. Berdasarkan kepada pemerhatian yang dijalankan di beberapa pusat petempatan komuniti Bajau Laut di pantai barat dan pantai timur Sabah seperti Pulau Mabul, Pulau Omadal, Pulau Dinawan, Pulau Gusungan, Pulau Bum-Bum, Pulau Banggi dan lain-lain lagi mendapati hampir kesemua keluarga memiliki perahu jenis ini. Nelayan biasanya akan mula mendayung perahu mereka menuju kawasan perairan batu karang seawal jam 5 pagi untuk menangkap ikan dan kembali semula ke pantai pada waktu tengah hari atau petang. Memandangkan teknologi menangkap ikan yang digunakan masih lagi bercirikan tradisional (*hook and line*), maka hasil-hasil tangkapan ikan mereka hanya terbatas kepada spesies ikan batu karang sahaja. Selain menangkap ikan, *bogoo* ini juga penting kepada komuniti Bajau Laut dalam aktiviti penyelaman tripang (*sea cucumber*) untuk mendapatkan wang tunai untuk membeli barang-barang keperluan lain. Biasanya tripang yang telah dijemur dan disalai akan dijual ke pekan Semporna pada harga antara RM50–RM80 sekilogram bergantung kepada jenis dan kualitinya.

### **PENUTUP**

Sepertimana yang telah dijelaskan sebelum ini, kajian dan penulisan berhubung seni bina perahu komuniti Bajau Laut hanya difokuskan

*Ismail Ali*

kepada *lepa-lepa* sahaja dan langsung tidak menyentuh kepada *bogoo*. Berdasarkan kepada sejarah dan budaya perahu Bajau Laut, menunjukkan bahawa perahu ini telah lama wujud di perairan Sabah, iaitu sejak zaman Kesultanan Sulu lagi (abad ke-18), seiring dengan kewujudan *lepa-lepa*. Pada masa ini, perubahan sosial dan ekonomi kesan daripada arus pemodenan di Sabah nampaknya secara perlahan-lahan mula mengubah cara hidup komuniti Bajau. Ini terbukti apabila ada di antara mereka yang dahulunya hanya tinggal di dalam *lepa-lepa* kini telah mula meninggalkan budaya nenek moyang mereka dan menetap di daratan atau pulau. Selain daripada itu, ada juga di antara mereka sudah tidak lagi menjadi nelayan sepenuh masa tetapi menjadi buruh atau peniaga.

Apa yang lebih membimbangkan ialah apabila pembuatan dan penggunaan ini pernah diharamkan oleh Jabatan Perikanan Sabah kerana dikaitkan dengan aktiviti pengeboman ikan dan penggunaan *cyanide* di perairan Sabah yang memberi impak besar terhadap sumber marin dan ekosistem laut termasuk membahayakan nyawa nelayan sendiri. Oleh yang demikian, sudah tiba masanya Kementerian Pelancongan, Kesenian dan Warisan Sabah untuk memelihara dan memartabatkan semula warisan dan budaya perahu ini sebagai antara khazanah milik komuniti Bajau Laut yang tidak ternilai harganya daripada hilang ditelan zaman. Selain *lepa-lepa* yang diiktiraf sebagai simbol dan identiti komuniti Bajau Laut, perahu ini juga boleh ditonjolkan sebagai antara seni bina untuk tujuan eko-pelancongan dan tatapan generasi yang akan datang.

Berdasarkan kepada kajian ini, dapatlah disimpulkan bahawa konsep dan reka bentuk perahu *bogoo* yang digunakan oleh komuniti Bajau Laut di Sabah pada hari ini sebenarnya telah diwarisi sejak zaman Kesultanan Sulu lagi. Perubahan tahap pentadbiran di Sabah dan reka bentuknya telah memperlihatkan bagaimana perahu *bogoo* berevolusi daripada *Barangayan* dan *Kora-kora* sewaktu pemerintahan Kesultanan Sulu, kepada *dapang* sewaktu pemerintahan BNBBCC dan kini dikenali sebagai *bogoo*. Walaupun reka bentuk dan cara pembuatannya adalah mudah, namun kehebatannya meredah Laut Sulu tetap terserlah walaupun dalam keadaan laut bergelora dan terus setia serta berjasa kepada komuniti Bajau Laut dan lain-lain komuniti di Sabah.



## **RUJUKAN**

- Halina Sendera Mohd. Yakin, 2007, *Identiti Budaya Etnik Pala'u di Semporna, Sabah: Konservasi, Adaptasi dan Transformasi Budaya*. Occasional Paper No. 7, Pusat Penataran Ilmu dan Bahasa, Universiti Malaysia Sabah.
- Nicholl, R., 1966, *Raja Bongsu of Sulu: A Brunei Hero in His Times*, Selangor: Anaceme Art & Printing Sdn. Bhd.
- Sather, C., 1997, *The Bajau Laut: Adaptation, History and Fate in a Maritime Fishing Society of South Eastern Sabah*. Kuala Lumpur: Oxford University Press.
- Sopher, D.E., 1965, *The Sea Nomads: A Study of the Maritime Boat People of Southeast Asia*, Singapore: National Museum Singapore.
- State of North Borneo, 1914, *The Boats and Fishery Ordinance No. 10 of 1914*, Sandakan.
- \_\_\_\_\_, 1959, *Undang-Undang Perahu dan Perikanan Penggal 16*. Jesselton: The North Borneo Government Printing Office.
- Tubb, J.A., 1952, *Colony of North Borneo Fisheries Department Report for the Years 1947–1950*, Sandakan.
- Warren, J.F., 1981, *The North Borneo Chartered Company's Administration of the Bajau*, International Southeast Asia, Series 22.
- \_\_\_\_\_, 1981, *The Sulu Zone 1786–1898: The Dynamics of External Trade, Slavery and Ethnicity in the Transformation of Southeast Asian Maritime State*, Singapore: National University of Singapore Press.
- \_\_\_\_\_, 2000, *The Global Economy and The Sulu Zone: Connections, Commodities and Culture*, Quezon City: New Day Publishers.

*Ismail Ali*

\_\_\_\_\_, 2002, *Iranun and Balanginfi: Globalization, Maritime Riding and the Birth of Ethnicity*, Quezon City: New Day Publishers.

Yap Beng Liang, 1993, *Orang Bajau Pulau Omadal: Satu Kajian tentang Sistem Budaya*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.